

Sebab-sebab Berlakunya Gejala Mat Rempit

Isu mat rempit sering menjadi bahan perbincangan di dalam media massa seperti televisyen dan akhbar. Isu ini semakin kerap diperkatakan apabila ada mat rempit yang begitu berani melanggar anggota polis yang menjalankan tugas membendung kegiatan lumba haram. Pada pandangan saya, masyarakat tidak wajar mengambil mudah tentang isu mat rempit. (1)_____ kerana ia boleh mendatangkan keburukan kepada masyarakat dan negara. Menurut kajian terdapat beberapa sebab berlakunya gejala mat rempit.

Sebab pertama ialah sikap ibu bapa yang tidak memberikan (2)_____ yang sewajarnya kepada anak-anak. Ibu bapa begitu sibuk dengan kerja terutama mereka yang tinggal di bandar yang memerlukan wang yang banyak untuk menampung kos hidup yang tinggi. Hal ini menyebabkan anak-anak tidak mendapat perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya. (3)_____ untuk memudahkan anak-anak berulang alik ke sekolah. Namun demikian, disebabkan kurang pemantauan kemudahan motosikal ini telah disalahgunakan oleh anak-anak untuk aktiviti (4)_____.

Pengaruh rakan sebaya juga boleh mendorong kepada aktiviti merempit. Anak-anak yang tidak mendapat perhatian daripada ibu bapa akan menghilangkan kebosanan dengan berjumpa rakan-rakan di tempat-tempat tertentu. Malang sekali sekiranya rakan yang dipilih itu mempunyai sikap negatif seperti suka merempit dan berlumba haram. (5)_____ dan seterusnya menyertai (6)_____ yang diadakan. Sewajarnya ibu bapa mengetahui siapa rakan-rakan anak mereka dan memberikan nasihat yang sewajarnya kepada mereka jika mereka terlibat dalam aktiviti merempit ini.

Sikap masyarakat juga boleh mempengaruhi gejala mat rempit. (7)_____ tidak mengambil tahu tentang aktiviti mat rempit. Mereka berbuat demikian mungkin kerana mereka berpendapat bahawa anak mereka tidak termasuk dalam golongan mat rempit ini. Oleh itu, mereka tidak mempedulikan gejala ini walaupun ia berlaku di sekitar kawasan kediaman mereka. Apabila aktiviti mat rempit ini tidak ditegur, maka kelakuan mereka yang terlibat lebih menjadi-jadi lagi. (8)_____ akibat aktiviti lumba haram ini semakin meningkat.

Di samping itu, pihak (9)_____ juga turut menyumbangkan kepada kerancakan aktiviti mat rempit. Sama ada kita sedar atau tidak, terdapat banyak program televisyen yang memaparkan aksi-aksi penunggang motosikal yang berbahaya. Bagi sesetengah mat rempit, mereka tertarik melihat aksi sebegini lalu cenderung untuk meniru aksi ini. (10)_____ yang pernah ditayangkan di pawagam tidak lama dulu juga telah menghangatkan lagi kegiatan mat rempit ini. Filem-filem yang bercorak aksi lasak motosikal ini sewajarnya perlu dikaji kesannya kepada golongan muda sebelum ditayangkan kepada umum.

Penguatkuasaan yang masih longgar juga dikatakan antara punca kepada gejala mat rempit ini berleluasa. Pegawai polis tidak dapat memantau aktiviti mat rempit pada setiap masa kerana bilangan anggotanya kurang dan bidang tugas yang banyak. Faktor

(11)_____ juga menyebabkan pihak polis begitu berhati-hati dalam operasi menangkap mat rempit.

(12)_____ untuk melepaskan diri daripada ditangkap oleh polis termasuklah melanggar pegawai polis yang bertugas. Bagi mengatasi masalah ini, pasukan keselamatan yang lain seperti RELA dan Jabatan Pertahanan Awam mungkin boleh membantu pihak polis dalam menangani isu ini.

Sebagai kesimpulan, terdapat beberapa sebab yang membawa kepada gejala mat rempit. Pada pendapat saya sebab-sebab ini saling berkaitan dan memerlukan

(13)_____ daripada semua pihak. Jika kita benar-benar ingin membendung gejala mat rempit. Pihak Kementerian Pelajaran boleh membantu mengatasi masalah ini dengan memberi pendidikan keselamatan jalan raya kepada para pelajar sekolah. (14)_____

hanya memikirkan keuntungan semata-mata apabila menghasilkan sesuatu filem. Pada pandangan saya, isu gejala mat rempit pasti akan dapat diatasi jika semua pihak bekerja sebagai satu pasukan dan saling membantu golongan

(15)_____.

Hal ini kerana, mat rempit sanggup berbuat apa sahaja 这是因为飙车族愿意做任何事情	media massa 大众媒体
kerjasama 合作	Akhirnya anak-anak ini akan turut berada di lokasi merempit 最后这些孩子也会出现在飙摩托地点
Akhirnya kemalangan jalan raya 最终道路交通意外	Terdapat juga ibu bapa yang membelikan motosikal 也有父母购买摩托车
Ada sebahagian ahli masyarakat 有一部分社会人士	masyarakat 社会
merempit 飙摩托	lumba haram 非法飙车
perhatian 关怀	keselamatan 安全
Isu mat rempit ini perlu ditangani dengan segera 飙车族问题必须立刻处理	Pembikin filem pula tidak sepatutnya 电影制作人也不应该
Contohnya, filem Remp-It 例如《Remp-It》电影	remaja 青少年